

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aduan dan maklum balas yang diterima sejak bermulanya pelaksanaan cukai GST dan sejauh manakah kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap pelaksanaan cukai baru GST dan apakah kayu pengukurannya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini rata-rata rakyat sudah

mula menerima GST di mana aduan secara amnya kepada JKDM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengalami pengurangan pada bulan Mei berbanding bulan April 2015. Bagi tempoh 1 Mei hingga 31 Mei 2015, KPDNKK telah mencatatkan sebanyak 1,317 aduan sahaja mengenai GST, manakala tempoh yang sama bagi bulan April pula telah mencatatkan lebih banyak aduan iaitu 8,243. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa trend ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami pelaksanaan GST.

Peningkatan kefahaman rakyat adalah hasil penjelasan yang berterusan melalui media massa termasuk elektronik, cetak dan media sosial. Di samping itu, program turun padang bertemu rakyat melalui ceramah umum juga dilaksanakan melibatkan agensi seperti JASA, Jabatan Penerangan dan Biro Tata Negara.